

## **SILIBUS MATA PELAJARAN PENGAJIAN UMUM (MPU)**

**Silibus adalah seperti pada 30 Ogos 2013**

## KANDUNGAN

<i>Senarai Jadual Singkatan</i>	<i>iv</i>
<i>Pengenalan</i>	<b>1</b>
<b>Penawaran Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU)</b>	<b>2</b>
Latar Belakang MPU	2
Konsep MPU	3
Struktur MPU	4
Tarikh Pelaksanaan	7
<b>Kelompok U1</b>	<b>8</b>
Definisi	8
Objektif Umum	8
Ciri-Ciri	8
Hasil Pembelajaran	8
Rangka Kursus Hubungan Etnik	9
Rangka Kursus TITAS	12
Rangka Kursus Pengajian Malaysia 1 (Sijil)	14
Rangka Kursus Pengajian Malaysia 2 (Diploma)	16
Rangka Kursus Pengajian Malaysia 3 (Ijazah Sarjana Muda)	18
Rangka Kursus Bahasa Melayu Komunikasi 1 (Sijil/ Diploma)	20
Rangka Kursus Bahasa Melayu Komunikasi 2 (Ijazah Sarjana Muda)	23
Bahasa Kebangsaan A	27
Kaedah penilaian	30
<b>Kelompok U2</b>	<b>31</b>
Definisi	31
Objektif Umum	31
Ciri-Ciri	31
Hasil Pembelajaran	31
Contoh-contoh kursus	31
Contoh rangka kursus	32
Kaedah penilaian	34
<b>Kelompok U3</b>	<b>35</b>
Definisi	35
Objektif Umum	35
Ciri-Ciri	35
Hasil Pembelajaran	35
Contoh-contoh kursus	35

Contoh rangka kursus	37
Kaedah penilaian	38
<b>Kelompok U4</b>	<b>39</b>
Definisi	39
Objektif Umum	39
Ciri-Ciri	39
Hasil Pembelajaran	39
Konsep Perlaksanaan	40
Kaedah penilaian	40
Contoh-contoh projek/aktiviti	41
<b>Kaedah Penetapan Kod Kursus</b>	<b>43</b>
<b>Proses Kelulusan</b>	<b>45</b>
<b>Aspek Jaminan Kualiti</b>	<b>46</b>
<b>Penutup</b>	<b>47</b>
<i>Lampiran</i>	<b>48</b>

## **Senarai Jadual**

**Jadual 1 :** Struktur Pelaksanaan MPU

**Jadual 2 :** Pecahan jenis kursus U1 mengikut pelajar warganegara, bukan warganegara dan bahasa pengantar

**Jadual 3 :** Pelaksanaan kelompok U2,U3, dan U4

**Jadual 4 :** Kaedah penilaian U1, U2, U3 dan U4

## SINGKATAN

**BPP** = Bahagian Pendaftaran dan Piawaian

**HE** = Hubungan Etnik

**HEP** = Hal Ehwal Pelajar

**ICT** = Information Communication and Technology

**IPT** = Institusi Pengajian Tinggi

**IPTA** = Institusi Pengajian Tinggi Awam

**IPTS** = Institusi Pengajian Tinggi Swasta

**JPT** = Jabatan Pengajian Tinggi

**KPM** = Kementerian Pendidikan Malaysia

**LO** = Learning Outcome

**MPW** = Mata Pelajaran Wajib

**MPU** = Mata Pelajaran Umum

**MQA** = Malaysian Qualification Agency

**PSPTN** = Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara

**SPM** = Sijil Pelajaran Malaysia

**TITAS** = Tamadun Islam dan Tamadun Asia

## PENGENALAN

Pengajian tinggi negara memainkan peranan yang amat penting dalam usaha mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi yang rakyatnya berdaya saing serta berfikiran inovatif. Kerjasama semua pihak dalam merealisasikan hasrat melahirkan warganegara yang tinggi patriotismenya, berdaya saing dan maju amat diperlukan. Pembinaan modal insan merangkumi satu proses lengkap membentuk tenaga kerja manusia yang berilmu, berakhhlak, berkemahiran, berdaya saing dan berdaya tahan. Modal insan menjadi fokus dan agenda utama kepimpinan negara untuk direalisasikan oleh semua pihak termasuk Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan tidak terkecuali kepada semua pelajar.

Selaras dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyemak kembali kurikulum penawaran Mata Pelajaran Wajib (MPW) di semua IPT dalam negara. Maka, Mata Pelajaran Pengajian Umum telah diperkenalkan berteraskan cabang Falsafah Ilmu yang melibatkan bidang keilmuan kajian Kemanusiaan, Sains Tulen dan Sains Sosial.

Hal ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu:

*Pendidikan di Malaysia merupakan satu usaha berterusan ke arah mengembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang harmoni dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat serta negara.*

Umumnya, Falsafah Pendidikan Kebangsaan berhasrat melahirkan warga negara yang baik serta memiliki ciri-ciri berikut:

1. Mempercayai dan mematuhi Tuhan
2. Berilmu pengetahuan
3. Berketerampilan
4. Bersahsiah tinggi
5. Bersedia menyumbang kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara.
6. Bertanggungjawab kepada diri, agama, bangsa, masyarakat dan negara.

Maka, Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) diperkenalkan yang bertujuan melakukan penambahbaikan dari struktur Mata Pelajaran Wajib yang lebih berstruktur ke arah mempertingkatkan kualiti modal insan sejajar dengan matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Di samping itu, melalui struktur MPU ini, mampu melahirkan graduan yang holistik, menghayati nilai-nilai patriotisme dan jati diri beracuankan Malaysia serta menguasai kemahiran insaniah ke arah memenuhi kebolehpasaran kerja dan seterusnya kebolehdapatan kerja.

# **PENAWARAN MATA PELAJARAN PENGAJIAN UMUM (MPU)**

## **Latar Belakang MPU**

Terdapat beberapa persoalan timbul berkenaan dengan mata pelajaran wajib yang telah diperkenalkan di IPT iaitu:

1. Wacana di akhbar membicarakan tentang lunturnya semangat patriotisme dalam kalangan pelajar IPT, terutamanya di IPTS.
2. Ketidaaan keseragaman pengajaran mata pelajaran kursus wajib antara IPTS dengan di IPTA telah dikenal pasti sebagai sebab utama trend ini terjadi.
3. Pelajar-pelajar bukan warganegara juga telah meluahkan hasrat mereka untuk mempelajari dari pengalaman Malaysia membangun negara ini hingga menjadi harmoni, stabil dan maju.
4. Kurikulum MPW sedia ada telah digunakan semenjak tahun 1996. Maka, sudah tiba masanya untuk diubah.

Berikutan daripada itu, Kementerian telah menubuhkan pasukan penyelidik untuk menstrukturkan semula MPW dengan terma rujukan seperti berikut:

1. Mengenal pasti tingkah laku akademik dan kehidupan pelajar pelbagai etnik dan bukan warganegara di IPTS.
2. Status terkini kesesuaian mata pelajaran wajib yang sedang diajar di IPTS dari segi isi kandungan dan tempoh masa jam kredit.
3. Menentukan jenis-jenis mata pelajaran wajib yang sesuai untuk pelajar Malaysia di IPTS dan isi kandungan dan tempoh masa jam kredit.
4. Menentukan sama ada pelajar bukan warganegara di IPTS perlu mengambil mata pelajaran wajib serta jenis-jenis mata pelajaran wajib yang sesuai untuk mereka, isi kandungan serta tempoh masa jam kredit.
5. Mengenal pasti implikasi negatif ke atas kehadiran pelajar bukan warganegara ke IPTS jika mata pelajaran wajib diwajibkan ke atas mereka.
6. Kenal pastikekangan yang dihadapi oleh IPTS dalam mengendalikan mata pelajaran wajib sekiranya mata pelajaran wajib sedia diubahsuaikan.

Untuk itu, pasukan penyelidikan telah menjalankan kajian berbentuk pemerhatian dan kumpulan berfokus untuk mendapatkan pandangan awal tentang status pelaksanaan Mata Pelajaran Wajib (MPW). Hasil kajian, satu struktur MPW yang baharu telah diperkenalkan yang dikenali sebagai Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU). Seterusnya, perbincangan dua hala telah diadakan

dengan pelbagai pihak seperti pelajar, badan profesional, pemilik IPTS dan IPTA serta Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Hasil perbincangan dengan pelbagai pihak tersebut, MPU telah dipersetujui untuk dilaksanakan di IPTS dan IPTA.

## **Konsep MPU**

Perancangan akademik masa kini mengusulkan supaya pengajian umum diperluaskan meliputi aspek-aspek penataran ilmu seperti kemahiran berkomunikasi, keterampilan, penghayatan nilai-nilai murni dan sejarah serta pendedahan kepada bidang pengetahuan umum yang lebih luas skopnya melampaui batas-batas disiplin ilmu tradisional. Hal ini termasuklah pendedahan kepada bidang-bidang baharu seperti seni, falsafah dan bahasa asing. Penekanan kepada perluasan pengajian umum ini, pada prinsipnya, adalah selaras dengan cita-cita ke arah melahirkan siswazah berfikiran luas, seimbang dan holistik.

Maka, pengajian umum bermaksud program pendidikan prasiswazah yang bertujuan membekalkan pelajar dengan ilmu persediaan untuk hidup dalam masyarakat moden. Ilmu tersebut meliputi kefahaman tentang nilai-nilai mulia, sejarah dan tanggungjawab dalam masyarakat, penguasaan kemahiran insaniah, perluasan ilmu berteraskan Malaysia dan berupaya mengaplikasikan ilmu dalam kehidupan seharian.

Pelajar di IPT memerlukan beberapa keterampilan intelektual yang membolehkannya mengambil bahagian secara berkesan dalam masyarakat. Pengajian umum bertujuan menyediakan pelajar dengan keterampilan yang tertentu. Di samping memperoleh pendedahan kepada ciri-ciri keterampilan intelektual, kursus pengajian umum juga menjadi kursus pelengkap kepada kursus-kursus yang ditawarkan dalam program pengkhususan pelajar.

Justeru, tujuan MPU diperkenalkan adalah seperti berikut:

1. Penyelarasan Mata pelajaran Wajib kepada Mata Pelajaran Pengajian Umum di IPT
2. Pembinaan Negara Bangsa
3. Penguasaan dan Peluasan Kemahiran Insaniah
4. Pengukuhan dan Peluasan Pengetahuan di Malaysia
5. Pengaplikasian Kemahiran Insaniah

Berdasarkan tujuan maka Mata Pelajaran Pengajian Umum telah dibahagikan kepada empat kelompok iaitu;

- U1: penghayatan falsafah, nilai dan sejarah,
- U2: penguasaan kemahiran insaniah,
- U3: perluasan ilmu pengetahuan tentang Malaysia,
- U4: kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kokurikulum.

## Struktur MPU

Struktur MPU dilaksanakan di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Diploma dan Sijil. Pelajar diwajibkan lulus dan melengkapkan kelompok U1, U2, U3, dan U4 sebagai syarat untuk menamatkan pengajian. Perincian struktur pelaksanaan MPU seperti Jadual 1 di bawah.

**Jadual 1 : Struktur Pelaksanaan MPU**

<b>Tahap Pengajian</b>	<input type="checkbox"/> 2-3 kredit setiap kursus U1 <input type="checkbox"/> 2-3 kredit U2 dan U3 <input type="checkbox"/> 2 kredit bagi kursus U4				<b>Jumlah Kredit</b>
	<b>U1</b>	<b>U2</b>	<b>U3</b>	<b>U4</b>	
Ijazah Sarjana Muda / Sijil Dan Diploma Siswazah ( <b>Tahap 6</b> )	2 Mata Pelajaran (4-6 kredit)	1 Mata Pelajaran (2-3 kredit)	1 Mata Pelajaran (2-3 kredit)	1 Mata Pelajaran (2 kredit)	<b>10 - 14</b>
Diploma Lanjutan ( <b>Tahap 5</b> )  Diploma ( <b>Tahap 4</b> )	1 Mata Pelajaran (2-3 kredit)	1 Mata Pelajaran (2-3 kredit)	1 Mata Pelajaran (2-3 kredit)	1 Mata Pelajaran (2 kredit)	<b>8 - 11</b>
Sijil ( <b>Tahap 3</b> )	1 Mata Pelajaran (2-3 kredit)	1 Mata Pelajaran (2-3 kredit)	1 Mata Pelajaran (2-3 kredit)	-	<b>6 - 9</b>

Merujuk kepada jadual 1 di atas bagi peringkat pengajian ijazah sarjana muda (tahap 6) pelajar perlu mengambil sekurang-kurangnya 10 hingga 14 kredit iaitu lima mata pelajaran. Bagi peringkat diploma(Tahap 4)/Diploma Lanjutan (Tahap 5) pelajar perlu mengambil sekurang-kurangnya 8 hingga 11 kredit iaitu empat mata pelajaran. Bagi pelajar yang telah mengambil MPU di peringkat diploma, pelajar dikecualikan mengambil MPU di peringkat diploma lanjutan. Di peringkat sijil (tahap 3) pelajar perlu mengambil sekurang-kurangnya 6 hingga 9 kredit iaitu tiga mata pelajaran.

Namun, pelaksanaan MPU diberikan pengecualian kepada program-program seperti berikut:

- i. Program peringkat sarjana dan kedoktoran
- ii. Kursus jangka pendek
- iii. *Non terminating programed* seperti matrikulasi.
- iv. Sijil Asas (Foundation) kecuali Sijil Asas bagi persediaan ke luar negara.

Pelaksanaan Kelompok U1 seperti Jadual 2 di bawah.

**Jadual 2: Pecahan jenis kursus U1 mengikut pelajar warganegara, pelajar bukan warganegara dan bahasa pengantar kursus**

Kursus U1	Kredit	Pelajar Warganegara			Pelajar Bukan Warganegara			Bahasa Pengantar	
		Sijil (Tahap 3)	Diploma / Diploma Lanjutan (Tahap 4 / Tahap 5)	Ijazah (Tahap 6)	Sijil (Tahap 3)	Diploma / Diploma Lanjutan (Tahap 4 / Tahap 5)	Ijazah (Tahap 6)	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris
Bahasa Melayu Komunikasi 1 (ditawarkan berulang bagi kedua-dua tahap sebagai pengukuhan)	2-3				✓	✓		✓	
Bahasa Melayu Komunikasi 2	2-3						✓	✓	
Pengajian Malaysia 1	2-3	✓						✓	✓
Pengajian Malaysia 2	2-3		✓					✓	✓
Pengajian Malaysia 3	2-3						✓	✓	✓
Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)	2-3			✓				✓	
Hubungan Etnik	2-3			✓				✓	
Bahasa Kebangsaan A	Khas untuk pelajar warganegara tidak kredit Bahasa Melayu SPM dan diambil sekali sahaja bagi mana-mana tahap pengajian sebagai salah satu komponen wajib U2								
** Lain-lain mata pelajaran dalam komponen U2,U3 dan U4 wajib ditawarkan namun berdasarkan kesesuaian dan penyelarasan pihak IPTS dan boleh ditawarkan menggunakan bahasa pengantar Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.									

*Nota: 1. Kumpulan kursus U1 akan menjadi dasar KPM untuk dilaksanakan di semua IPTS.*

*2. IPTS perlu mendapatkan kelulusan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) terlebih dahulu sebelum melaksanakan MPU di institusi masing-masing.*

Berdasarkan Jadual 2 di peringkat Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6), pelajar warganegara wajib mengambil TITAS dan Hubungan Etnik dan bagi pelajar bukan warganegara perlu mengambil Pengajian Malaysia 3 dan Bahasa Melayu Komunikasi 2. Di peringkat Diploma (Tahap 3) / Diploma Lanjutan (Tahap 5), pelajar warganegara wajib mengambil Pengajian Malaysia 2 dan bagi pelajar bukan warganegara perlu mengambil Bahasa Melayu Komunikasi 1. Di peringkat Sijil (Tahap 3), pelajar warganegara wajib mengambil Pengajian Malaysia 1 dan bagi pelajar bukan warganegara perlu mengambil Bahasa Melayu Komunikasi 1. Bahasa Melayu Komunikasi 1 yang ditawarkan di peringkat Sijil dan Diploma bagi pelajar bukan warganegara adalah sebagai pengukuhan. Bahasa pengantar untuk peringkat Ijazah bagi pelajar warganegara adalah Bahasa Melayu.

**Pelaksanaan Kelompok U2, U3, dan U4 seperti Jadual 3 di bawah.**

**Jadual 3 : Pelaksanaan Kelompok U2, U3, dan U4**

<b>U2 (2-3 kredit)</b>	<b>U3 (2-3 kredit)</b>	<b>U4 (2 kredit)</b>	<b>Bahasa Pengantar</b>	
<b>Kemahiran Kepimpinan dan Hubungan Insan</b>	<b>Ekonomi Malaysia</b>	<b>Khidmat Masyarakat</b>	<b>Bahasa Melayu</b>	<b>Bahasa Inggeris</b>
<b>Kemahiran Rekacipta dan Inovasi</b>	<b>Kerajaan dan Dasar Awam Malaysia</b>	<b>Ko-kurikulum</b>	✓	✓
<b>Kemahiran Menulis</b>	<b>Perlakuan Organisasi Dalam Masyarakat Pelbagai Etnik Malaysia</b>	<b>Atau lain-lain yang dicadangkan oleh KPM dan IPTS</b>	✓	✓
<b>Kemahiran Berfikir</b>	<b>Perbandingan Agama</b>		✓	✓
<b>Kemahiran Keusahawanan</b>	<b>Etika Perbandingan</b>		✓	✓
<b>Atau lain-lain yang dicadangkan oleh KPM dan IPTS</b>	<b>Atau lain-lain yang dicadangkan oleh KPM dan IPTS</b>		✓	✓
<b>U2-U4 – kursus ditetapkan oleh IPT</b> * Bagi pelajar warganegara yang tidak mendapat kredit di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) maka DIWAJIBKAN mengambil kursus Bahasa Kebangsaan A sebagai komponen U2.				

## **Tarikh Pelaksanaan**

Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pelaksanaan PSPTN Fasa 2 telah memberi penekanan terhadap agenda Pembangunan Holistik Pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) bagi melahirkan graduan IPT yang seimbang dari segi ilmu, keterampilan, akhlak, nilai murni, patriotik, dan berdisiplin ke arah pembentukan modal insan negara yang holistik dan berpersonaliti unggul (*towering personality*). Justeru, penekanan pelaksanaan diletakkan dalam konteks kurikulum dan kokurikulum yang merangkumi ilmu praktikal dan ilmu falsafah bagi menyokong pembangunan pelajar secara menyeluruh.

Selaras memastikan usaha tersebut dilaksanakan, Kementerian ini telah memperkenalkan penawaran kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU). Penawaran MPU dilaksanakan bagi menyeragamkan pengajaran kursus wajib di IPTS dan IPTA dengan mengambil kira keperluan pembelajaran pelajar warganegara dan pelajar bukan warganegara .

MPU diwajibkan ke atas semua program pengajian di peringkat Sijil (tahap 3), Diploma (tahap 4), Diploma Lanjutan (tahap 5) dan Ijazah Pertama (tahap 6). Pengajian di peringkat Sijil Asas (*Foundation*) adalah tidak tertakluk kepada penawaran MPU.

Penawaran kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) adalah dikuatkuasakan pada 1 September 2013 ke atas pelajar pengambilan kohort baru di semua IPT.

## **KELOMPOK U1**

### **Definisi**

Merujuk kepada MPU yang wajib diambil dan lulus untuk tujuan pengijazahan oleh pelajar warganegara dan pelajar bukan warganegara yang bertujuan melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan dan penghayatan terhadap nilai-nilai mulia dan sejarah.

### **Objektif Umum**

- Melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan dan penghayatan terhadap nilai-nilai mulia dan sejarah.

### **Ciri-Ciri**

- MPU yang telah ditetapkan oleh KPM dan MQA dan seragam bagi setiap IPT.
- Setiap MPU berjumlah 2 hingga 3 kredit.
- Setiap pelajar perlu mengambil 2 mata pelajaran di bawah kelompok U1.

### **Hasil Pembelajaran Kelompok**

- Membolehkan pelajar berkomunikasi dalam bahasa Melayu asas yang meliputi situasi kehidupan harian pelajar bukan warganegara di Malaysia.
- Membolehkan pelajar berinteraksi menggunakan Bahasa Melayu dan dapat membaca serta memahami ayat bahasa Melayu mudah.
- Membolehkan pelajar menulis karangan pendek berkaitan kehidupan seharian.
- Meningkatkan pemahaman pelajar-pelajar tentang konsep kesepaduan sosial, konsep-konsep asas hubungan etnik, pluraliti dan masyarakat pluralistik.
- Mendedahkan pelajar dengan konsep pembangunan politik, ekonomi dan perlembagaan dalam konteks hubungan etnik di Malaysia.
- Melahirkan pelajar yang memahami peranannya dalam proses pembinaan negara bangsa dan bersemangat patriotik dalam menghadapi cabaran pembangunan
- Memperkenalkan kepada pelajar tentang ilmu ketamadunan yang mencakupi pengenalan ilmu ketamadunan, interaksi antara pelbagai tamadun, isu-isu kontemporari dan implikasinya kepada proses pembangunan negara di samping melahirkan pelajar yang mempunyai sikap hormat menghormati, mengamalkan nilai-nilai murni dan mempunyai jati diri sebagai warganegara.

## Rangka Kursus Hubungan Etnik

### Sinopsis

Kursus ini memfokuskan perbincangan tentang hubungan etnik di Malaysia yang mana ianya merupakan proses hubungan sosial yang dinamik. Tujuan kursus ini adalah untuk meningkatkan pemahaman pelajar-pelajar tentang konsep kesepaduan sosial, potret hubungan etnik, konsep-konsep asas hubungan etnik, pluraliti dan masyarakat pluralistik di Malaysia, pembangunan politik, pembangunan ekonomi, dan perlembagaan Malaysia dalam konteks hubungan etnik di Malaysia, integrasi dan menangani cabaran, agama dan masyarakat, sumbangsan kerajaan dan masyarakat dan inter-etnik dan intra-etnik. Objektif mata pelajaran ini adalah untuk meningkatkan pemahaman pelajar-pelajar tentang konsep kesepaduan sosial, konsep-konsep asas hubungan etnik, pluraliti dan masyarakat pluralistik. Pelajar juga didedahkan dengan konsep pembangunan politik, ekonomi dan perlembagaan dalam konteks hubungan etnik di Malaysia.

### Hasil Pembelajaran

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan peranan pluraliti budaya, masyarakat dan kumpulan etnik dalam memupuk perpaduan.
- Mengenalpasti cabaran pluralisasi budaya dan pelaksanaannya dalam konteks permuafakatan sosial di Malaysia.
- Mengaplikasi kemahiran sosial dalam kalangan pelajar ke arah mewujudkan masyarakat bersatu padu.
- Menganalisis isu-isu dan cabaran dalam konteks hubungan etnik di Malaysia.

### Kandungan Sukatan Pelajaran

Bab	Tajuk	Kandungan
1	Malaysia : Kesepaduan Dalam Kepelbagaian	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Sebuah Negara, Dua Imaginasi Sosiologikal: Antara ‘Perpaduan’ atau ‘Kesepaduan’</li><li>ii. Hubungan Etnik di Malaysia</li><li>iii. Masyarakat Pelbagai Etnik di Malaysia</li><li>iv. Kesepaduan Sosial: Pandangan Alternatif untuk Memahami Hubungan Etnik di Malaysia</li><li>v. Kesepaduan Sosial Melalui Akomodasi, Akulterasi, Amalgamasi dan Asimilasi</li></ul>
2	Potret Hubungan Etnik	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Kesultanan Melayu Melaka – Lambang Pertemuan Masyarakat Pelbagai Etnik</li><li>ii. Pembentukan Masyarakat Majmuk Era Kolonialisme British</li><li>iii. Fokus Hubungan Etnik</li><li>iv. Kerangka Teori</li><li>v. Kerangka Konseptual</li><li>vi. Meneliti Konsep Ras dan Etnik di Malaysia</li><li>vii. Budaya</li></ul>

<b>Bab</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Kandungan</b>
		viii. Konsep Prejudis, Stereotaip dan Diskriminasi ix. Kerangka Teoretis Konsep-konsep Tahap Hubungan Etnik
3	Limpahan Kemakmuran Merentasi Hubungan Etnik	i. Isu Sosioekonomi Pada Awal Kemerdekaan ii. Ekonomi Menjadi Isu Etnik iii. Dasar Ekonomi Baru iv. Kejayaan Ekonomi Malaysia v. Isu dan Cabaran
4	Perlembagaan Persekutuan : Tiang Seri Hubungan Etnik	i. Definisi dan Konsep Perlembagaan ii. Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan iii. Malayan Union iv. Persekutuan Tanah Melayu 1948 v. Kerjasama Antara Etnik dalam Menuju Kemerdekaan vi. Suruhanjaya Reid vii. Jawatankuasa Kerja dan Perisyntihan Perlembagaan viii. Unsur-Unsur Tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan ix. Kesultanan atau Pemerintahan Beraja x. Isu-Isu Islam dan Orang Melayu dalam Perlembagaan
5	Permuafakatan Politik Dalam Konteks Hubungan Etnik di Malaysia	i. Pembangunan Politik ii. Pemupukan Hubungan Etnik Secara Formal dalam Politik iii. Demografi dan Politik iv. Pakatan Politik di Sabah dan Sarawak v. Tsunami Politik: Politik Perkauman Semakin Mengendur vi. Perubahan Trend dan Corak Pengundian
6	Kepelbagaian Agama : Mencari Titik Pertemuan	i. Takrif Agama ii. Mengapakah Manusia Beragama? iii. Peranan Agama iv. Penggolongan Agama v. Agama-agama di Malaysia vi. Konflik Agama vii. Mencari Titik Pertemuan
7	Dari Segragasi ke Integrasi	i. Dari Pengasingan ke Penyatuan ii. Cabaran dalam Memupuk Integrasi di Malaysia iii. Peranan Kerajaan iv. Peranan Masyarakat dalam Konteks Hubungan Etnik v. Peranan NGO dalam Konteks Hubungan Etnik

<b>Bab</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Kandungan</b>
8	Pemerkasaan Pendidikan ke Arah Kesepaduan Sosial	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sejarah Pendidikan di Malaysia dan Hubungan Etnik</li> <li>ii. Latar Belakang Pendidikan Komuniti Etnik di Tanah Melayu</li> <li>iii. Sekolah Vernakular Inggeris</li> <li>iv. Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Vernakular</li> <li>v. Cabaran dalam Pendidikan dan Bahasa</li> </ul>
9	Pengalaman Harian : Menjalin Kesepaduan dan Melahirkan Keharmonian	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kepelbagai Makanan Etnik Pemangkin Perpaduan</li> <li>ii. Makanan dan Ruang Sosial dalam Konteks Hubungan Etnik</li> <li>iii. Kesenian Pelbagai Etnik dan Kesepaduan Sosial</li> <li>iv. Media dan Kesepaduan Sosial</li> </ul>

### **Rujukan utama**

Shamsul Amri Baharuddin (ketua editor). 2013. *Modul Hubungan Etnik Edisi kedua*. Bangi: Institut Kajian Etnik UKM.

Zaid Ahmad *et.al.* 2013. *Hubungan Etnik di Malaysia edisi ketiga*. Shah Alam: Oxford Fajar.

### **Rujukan tambahan**

Abdul Aziz Bari. 2001. *Perlembagaan Malaysia: Asas-asas dan Masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rahman Haji Embong. 2000. *Negara Bangsa: Proses dan Perbahasan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nazri Muslim & Nasruddin Yunos. 2006. *Hubungan Etnik*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wan Mohd Nor Wan Daud. 2001. *Pembangunan di Malaysia*. Kuala Lumpur: ISTAC.

## Rangka Kursus TITAS

### Sinopsis

Kursus ini membincangkan tentang ilmu ketamadunan yang mencakupi pengenalan ilmu ketamadunan, interaksi antara pelbagai tamadun Melayu, Cina dan India, Islam dalam Tamadun Melayu, Isu-isu kontemporari Tamadun Islam dan Tamadun Asia, Islam Hadhari dan proses pembangunan negara. Objektif mata pelajaran ini ialah untuk memperkenalkan kepada pelajar tentang ilmu ketamadunan yang mencakupi pengenalan ilmu ketamadunan, interaksi antara pelbagai tamadun, Isu-isu kontemporari dan implikasinya kepada proses pembangunan Negara di samping melahirkan pelajar yang mempunyai sikap hormat menghormati, mengamalkan nilai-nilai murni dan mempunyai jati diri sebagai warganegara.

### Hasil pembelajaran

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat :

- Menyenaraikan konsep-konsep utama Tamadun Islam dan Tamadun Asia
- Menerangkan kepentingan dan peranan agama dan budaya masing-masing dalam kehidupan
- Mengaplikasi kemahiran komunikasi secara berkesan dalam penulisan dan lisan di peringkat individu, kumpulan dan masyarakat.

### Kandungan sukanan pelajaran

Bab	Tajuk kuliah	Kandungan
1	Pengenalan Ilmu Ketamadunan	i. Konsep Ketamadunan ii. Interaksi Antara Tamadun iii. Dialog Antara Tamadun
2	Tamadun Islam	i. Pandangan Semesta Tamadun Islam ii. Konsep, Sumber dan Asas iii. Kelahiran, Perkembangan dan Kemerosotan iv. Prinsip dan Ciri-Ciri v. Sumbangan Tamadun Islam dan Jihad
3	Tamadun Melayu	i. Konsep ii. Asas iii. Pandangan Semesta iv. Pencapaian
4	Tamadun India	i. Konsep ii. Wilayah dan Masyarakat iii. Pandangan Semesta

<b>Bab</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Kandungan</b>
		iv. Kepelbagaian Agama v. Peranan Islam Dalam Tamadun India vi. Pencapaian
5	Tamadun Cina	i. Konsep ii. Wilayah dan Masyarakat iii. Pandangan Semesta iv. Kepelbagaian Falsafah dan Agama v. Institusi Politik, Sistem Pemerintahan dan Kekeluargaan vi. Pencapaian
6	Isu-isu semasa dan cabaran masa depan	i. Dunia Berbilang Tamadun ii. Cabaran Globalisasi iii. Teori Pertembungan Tamadun iv. Dialog Peradaban v. Pemupukan Nilai-Nilai Sepunya vi. Isu-Isu Dalam Dialog Tamadun

### **Rujukan utama**

Kementerian Pengajian Tinggi. 2009. *Modul Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ahmad Zaki Abdul Latif, Azam Hamzah dan Azhar Mad Aros. 2012. *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Shah Alam: Oxford Fajar

### **Rujukan tambahan**

Al-Buti, Muhammad Said Ramadhan. 2004. *Islam Hadhari dalam Pembangunan Insan (Asas kepada Pelaksanaan Islam Hadhari di Malaysia)* Terj. Muhammad Ramzi bin Omar. Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari.

Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1971. *Islam dan Sejarah Kebudayaan Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Universiti Malaya. 2001 *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Zulkifli Mohamad, Nasaruddin Yunos & Mohamad Sabri Haron. 2006. *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## **Rangka Kursus Pengajian Malaysia 1**

### **Sinopsis**

Kursus ini menghuraikan tentang proses pembinaan negara bangsa dan semangat patriotik dalam menghadapi cabaran pembangunan. Kursus ini memberi fokus tentang pengenalan kepada masyarakat Malaysia, sejarah dan politik, jentera pentadbiran, pembinaan negara bangsa dan dasar-dasar kerajaan. Objektif mata pelajaran ini adalah bertujuan untuk melahirkan pelajar yang memahami peranannya dalam proses pembinaan negara bangsa dan bersemangat patriotik dalam menghadapi cabaran pembangunan.

### **Hasil pembelajaran**

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat :

- Menerangkan sejarah negara dan bangsa
- Membincangkan perkembangan masyarakat dari aspek sisiobudaya, politik dan ekonomi
- Menghuraikan komponen utama sistem dan tentera pentadbiran negara
- Menerangkan sejarah dan proses politik dalam mencapai kemerdekaan
- Menjelaskan dasar-dasar utama kerajaan dan sumbangannya kepada pembangunan negara

### **Kandungan sukatan pelajaran**

<b>Bab</b>	<b>Tajuk kuliah</b>	<b>Kandungan</b>
1	Pengenalan Masyarakat Malaysia	i. Masyarakat ii. Budaya iii. Hubungan etnik di Malaysia
2	Sejarah Dan Politik	i. Zaman penjajahan ii. Perjuangan kemerdekaan iii. Pembentukan Malaysia iv. Perlembagaan Malaysia
3	Jentera Pentadbiran	i. Sistem kabinet ii. Kementerian iii. Kerajaan tempatan iv. Suruhanjaya
4	Pembinaan Negara Bangsa	i. Masyarakat Kepelbagaian ii. Integrasi dan paduan nasional
5	Dasar-Dasar Kerajaan	i. Dasar ekonomi ii. Dasar sosial iii. Dasar luar

<b>Bab</b>	<b>Tajuk kuliah</b>	<b>Kandungan</b>
6	Islam di Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Islam dalam Perlembagaan</li> <li>ii. Masyarakat Islam di Malaysia</li> <li>iii. Kedudukan agama lain di Malaysia</li> <li>iv. Islam dan masyarakat majmuk</li> </ul>

### **Rujukan utama**

Mardiana dan Hasnah Hussin. 2011. *Pengajian Malaysia*. Shah Alam : Oxford Fajar

Nazaruddin Haji Mohd Jail, Ma'rof Redzuan, Asnarulkhadi Abu Samah dan Ismail Hj Mohd Rashid. 2004. *Pengajian Malaysia : Kenegaraan dan Kewarganegaraan. Edisi Kedua*. Petaling Jaya. Prentice Hall.

### **Rujukan tambahan**

INTAN .1991. Malaysia Kita. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.

Mohamed Suffian Hashim. 1994. *Mengenal Perlembagaan Malaysia. Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin Wahid. 1979. *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ruslan Zainuddin, Mohd Mahadee Ismail & Zaini Othman. 2010. *Kenegaraan Malaysia. Edisi Kedua*. Shah Alam: Oxford Fajar

## Rangka Kursus Pengajian Malaysia 2

### Sinopsis

Kursus ini menghuraikan tentang warganegara Malaysia yang berwawasan dan mampu menghadapi cabaran ke arah mencapai kesejahteraan hidup serta dapat menghayati peranan Malaysia di peringkat antarabangsa. Kursus ini memberi penghayatan tentang sejarah dan politik, perlembagaan Malaysia, kemasyarakatan dan perpaduan, pembangunan negara dan isu-isu keprihatinan negara. Objektif mata pelajaran ini adalah untuk melahirkan warganegara yang setia dan cinta kepada negara, berwawasan, bangga sebagai rakyat Malaysia, mampu menghadapi cabaran ke arah mencapai kesejahteraan hidup serta dapat menghayati peranan Malaysia di peringkat antarabangsa.

### Hasil pembelajaran

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat :

- Menerangkan sejarah bangsa dan negara.
- Membincangkan perkembangan masyarakat dari aspek sosiobudaya, politik dan ekonomi.
- Menghuraikan komponen utama sistem dan tentera pentadbiran negara.
- Menerangkan sejarah dan proses politik dalam mencapai kemerdekaan.
- Menjelaskan dasar-dasar utama kerajaan dan sumbangannya kepada pembangunan negara.
- Membincangkan peranan serta sumbangan Malaysia di peringkat antarabangsa.

### Kandungan sukanan pelajaran

Bab	Tajuk kuliah	Kandungan
1	Sejarah Dan Politik	i. Latar Belakang Sejarah Awal Negara ii. Kemerdekaan iii. Pembentukan Malaysia iv. Sistem dan struktur pentadbiran negara v. Demokrasi Berparlimen di Malaysia
2	Perlembagaan Malaysia	i. Keluhuran Perlembagaan ii. Peruntukan Utama Perlembagaan Malaysia
3	Kemasyarakatan Dan Perpaduan	i. Komposisi Etnik Penduduk Malaysia ii. Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional iii. Rukun Negara Sebagai Ideologi
4	Pembangunan Negara	i. Rancangan Dan Visi Pembangunan ii. Dasar-Dasar Utama Malaysia

<b>Bab</b>	<b>Tajuk kuliah</b>	<b>Kandungan</b>
5	Isu-Isu Keprihatinan Negara	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Dasar Malaysia Tentang Hal Ehwal Serantau Dan Dunia</li> <li>ii. Pembangunan Dan Alam Sekitar</li> <li>iii. Pembangunan Insan</li> </ul>
6	Pemikiran Dan Kepercayaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perkembangan Agama di Malaysia</li> <li>ii. Islam dalam Perlembagaan Malaysia</li> <li>iii. Islam Dan Masyarakat Majmuk</li> <li>iv. Toleransi Agama</li> </ul>

### **Rujukan utama**

Mardiana dan Hasnah Hussin. 2011. *Pengajian Malaysia*. Shah Alam : Oxford Fajar

Nazaruddin Haji Mohd Jail, Ma'rof Redzuan, Asnarulkhadi Abu Samah dan Ismail Hj Mohd Rashid. 2004. *Pengajian Malaysia : Kenegaraan dan Kewarganegaraan. Edisi Kedua*. Petaling Jaya. Prentice Hall.

### **Rujukan tambahan**

INTAN .1991. *Malaysia Kita*. Kuala Lumpur : Institut Tadbiran Awam Negara.

Mohamed Suffian Hashim. 1994. *Mengenal Perlembagaan Malaysia. Edisi Kedua*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin Wahid. 1979. *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ruslan Zainuddin, Mohd Mahadee Ismail & Zaini Othman. 2010. *Kenegaraan Malaysia. Edisi Kedua*. Shah Alam : Oxford Fajar

## **Rangka Kursus Pengajian Malaysia 3**

### **Sinopsis**

Kursus ini menghuraikan tentang melahirkan pelajar yang memahami sosiobudaya masyarakat, proses pembinaan negara dan struktur politik di Malaysia serta dapat menghayati peranan Malaysia di peringkat antarabangsa. Kursus ini memberi tumpuan tentang sejarah dan politik, perlembagaan Malaysia, kemasyarakatan dan perpaduan, pembangunan negara dan isu-isu keprihatinan negara. Objektif mata pelajaran ini adalah bertujuan melahirkan pelajar yang memahami sosiobudaya masyarakat, proses pembinaan negara dan struktur politik di Malaysia serta dapat menghayati peranan Malaysia di peringkat antarabangsa.

### **Hasil pembelajaran**

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat :

- Menerangkan sejarah bangsa dan negara
- Membincangkan perkembangan masyarakat dari aspek sosiobudaya, politik dan ekonomi
- Menghuraikan komponen utama sistem dan tentera pentadbiran negara
- Menerangkan sejarah dan proses politik dalam mencapai kemerdekaan
- Menghubung kait dasar-dasar utama kerajaan dan sumbangannya kepada pembangunan negara
- Menganalisis peranan serta sumbangan Malaysia di peringkat antarabangsa

### **Kandungan Sukatan Pelajaran**

<b>Bab</b>	<b>Tajuk Kuliah</b>	<b>Kandungan</b>
1	Sejarah dan Politik	i. Latar Belakang Sejarah Awal Negara ii. Kemerdekaan iii. Pembentukan Malaysia iv. Sistem dan struktur pentadbiran negara v. Demokrasi Berparlimen di Malaysia
2	Perlembagaan Malaysia	i. Keluhuran Perlembagaan ii. Peruntukan Utama Perlembagaan Malaysia
3	Kemasyarakatan dan Perpaduan	i. Komposisi Etnik Penduduk Malaysia ii. Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional iii. Rukun Negara Sebagai Ideologi
4	Pembangunan Negara	i. Rancangan dan Visi Pembangunan ii. Dasar-Dasar Utama Malaysia

<b>Bab</b>	<b>Tajuk Kuliah</b>	<b>Kandungan</b>
5	Isu-Isu Keprihatinan Negara	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Dasar Malaysia Tentang Hal Ehwal Serantau dan Dunia</li> <li>ii. Pembangunan dan Alam Sekitar</li> <li>iii. Pembangunan Insan</li> </ul>
6	Pemikiran Dan Kepercayaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perkembangan Agama di Malaysia</li> <li>ii. Islam dalam Perlembagaan Malaysia</li> <li>iii. Islam Dan Masyarakat Majmuk</li> <li>iv. Toleransi Agama</li> </ul>

### **Rujukan utama :**

- Mardiana dan Hasnah Hussin. 2011. *Pengajian Malaysia*. Shah Alam: Oxford Fajar
- Nazaruddin Haji Mohd Jail, Ma'rof Redzuan, Asnarulkhadi Abu Samah dan Ismail Hj Mohd Rashid. 2004. *Pengajian Malaysia Kenegaraan dan Kewarganegaraan. Edisi Kedua*. Petaling Jaya: Prentice Hall.

### **Rujukan tambahan**

- INTAN .1991. Malaysia Kita. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Mohamed Suffian Hashim. 1994. *Mengenal Perlembagaan Malaysia. Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Wahid. 1979. *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ruslan Zainuddin, Mohd Mahadee Ismail & Zaini Othman. 2010. *Kenegaraan Malaysia. Edisi Kedua*. Shah Alam: Oxford Fajar

## Rangka Kursus Bahasa Melayu Komunikasi 1

### Sinopsis

Kursus ini membolehkan pelajar berkomunikasi dalam Bahasa Melayu asas yang meliputi situasi kehidupan harian pelajar bukan warganegara di Malaysia. Kebolehan menguasai dan berkomunikasi dalam Bahasa Melayu akan memudahkan urusan dalam pelbagai situasi harian. Kursus ini bertujuan untuk membolehkan pelajar berkomunikasi dalam Bahasa Melayu asas yang meliputi situasi kehidupan harian pelajar bukan warganegara di Malaysia. Pelajar juga boleh berinteraksi menggunakan Bahasa Melayu dan dapat membaca serta memahami ayat Bahasa Melayu mudah. Di samping itu pelajar juga boleh menulis karangan pendek dengan menggunakan ayat mudah berkaitan kehidupan seharian.

### Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

- Mengenal pasti sistem bunyi, sistem ejaan rumi, kosa kata dan tatabahasa bahasa Melayu dalam ayat mudah.
- Menyebut dan mengeja bunyi vokal, diftong dan konsonan yang didengar dengan betul.
- Memperkaya kosa kata bahasa Melayu mengikut situasi.
- Bertutur dan memahami pertuturan dalam pelbagai situasi harian dengan menggunakan ayat mudah.
- Membaca dan memahami ayat Bahasa Melayu mudah.
- Menulis karangan pendek berkaitan kehidupan seharian.

### Kandungan Sukatan Pembelajaran

Bab	Tajuk	Kandungan
1	Bunyi dan Sebutan	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Vokal dan Diftong<ul style="list-style-type: none"><li>a) Bunyi Vokal</li><li>b) Bunyi Diftong</li></ul></li><li>ii. Konsonan dan Gugusan Konsonan<ul style="list-style-type: none"><li>a) Bunyi Konsonan</li><li>b) Bunyi Gugusan Konsonan</li></ul></li><li>iii. Nombor<ul style="list-style-type: none"><li>a) Sistem Nombor</li><li>b) Mata Wang Malaysia</li><li>c) Waktu</li><li>d) Hari</li><li>e) Bulan</li><li>f) Tatabahasa<ul style="list-style-type: none"><li>• Kata Keterangan Waktu</li></ul></li></ul></li></ul>

<b>Bab</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Kandungan</b>
2	Saya, Kawan dan Keluarga	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Diri Saya           <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Ucapan tegur Sapa</li> <li>b) Memperkenalkan Diri</li> <li>c) Tatabahasa               <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata Nama</li> <li>• Kata Ganti Nama Diri</li> </ul> </li> <li>d) Pola Ayat Dasar</li> <li>e) Frasa Nama</li> <li>f) Pola Ayat Dasar 1 – Frasa Nama + Frasa Nama</li> </ul> </li>   <li>ii. Saya dan Kawan Saya           <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Anggota Badan</li> <li>b) Tatabahasa               <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata Adjektif dan Rupa Paras</li> </ul> </li> <li>c) Pola Ayat Dasar 2 – Frasa Nama + Frasa Adjektif</li> <li>d) Kata Adjektif Bentuk Fizikal</li> <li>e) Perwatakan</li> </ul> </li>   <li>iii. Kawan dan Keluarga           <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Kawan</li> <li>b) Tatabahasa</li> <li>c) Kata Tanya</li> <li>d) Kata Tunjuk</li> <li>e) Keluarga</li> <li>f) Kata Kerja dalam Situasi Berkunjung</li> </ul> </li> </ul>
3	Persekutaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Aktiviti Seharian           <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Aktiviti Seharian</li> <li>b) Tempat-tempat Penting di Sekitar Kampus</li> <li>c) Tatabahasa</li> <li>d) Kata Kerja</li> <li>e) Pola Ayat Dasar 3 – Frasa Nama + Frasa Kerja</li> <li>f) Kata Sendi Nama</li> <li>g) Pola Ayat Dasar 4 – Frasa Nama + Frasa Sendi Nama</li> </ul> </li>   <li>ii. Tempat Tinggal Saya           <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Jenis-Jenis Rumah</li> <li>b) Perabot</li> <li>c) Mencari Rumah Sewa</li> <li>d) Tatabahasa</li> <li>e) Kata Bantu</li> <li>f) Ruang dan Perabot Rumah</li> </ul> </li>   <li>iii. Di Kafeteria           <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Makanan dan Minuman</li> <li>b) Tatabahasa Kata Adjektif Deria Rasa Makanan</li> </ul> </li> </ul>

